

# AKADEMIKA

Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan  
*Journal of Social Science and Humanities*

Bilangan  
Number

35

ISSN 0126-5008

Julai  
July

1989

Rencana Pengarang	3
Achievements and Gaps in Orang Asli Research Geoffrey Benjamin	7
Things are Not What They Seem: Semai Economy in the 1980s Alberto G. Gomes	47
Theories of Development and the Underdevelopment of the Orang Asli Colin Nicholas	55
Nutritional Status of Children of Various Orang Asli Communities in Peninsular Malaysia Mohd. Sham Kasim, Zulkifli Ismail & Lailanor Ibrahim	69
Bases of Traditional Authority among the Orang Asli of Peninsular Malaysia Hood Salleh	75
Aspek Sosio-Ekonomi Masyarakat Temuan di Bukit Tampoi Sham Sani	87
Pengumpulan Semula Orang Asli di Betau: Satu Penelitian Ringkas Hasan Mat Nor	97
Arkeologi Orang Asli Adi Haji Taha	113



## Rencana Pengarang

Koleksi dalam jilid ini merupakan sebahagian dari kertas kerja yang telah dibentangkan dalam *Simposium Ke-2 Mengenai Kehidupan Sosial dan Pembangunan Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia* yang telah diadakan pada 22-23 September 1986. Meskipun tidak semua kertas kerja diterbitkan dalam jilid ini, idea-idea yang terkandung dalam kertas kerja-kertas kerja yang disajikan dalam jilid ini sebahagiannya menyentuh secara tidak langsung tema-tema yang dikemukakan dalam kertas-kertas yang tidak dipilih untuk jilid ini. Adalah menjadi hasrat supaya siri pengajian Orang Asli dapat diwujudkan khusus bagi menjalin tema-tema yang dikemukakan di dalam kertas-kertas tersebut.

Bagi jilid ini, tema utama yang ditonjolkan adalah kepelbagaiannya dalam pengkajian terhadap bidang Orang Asli dulu hingga sekarang. Dalam hal ini sumbangan Benjamin adalah bertujuan untuk menyusurgalurkan sejarah perkembangan pengajian masyarakat Orang Asli. Sebagai pengkaji yang sekian lama diakui sebagai pakar rujuk mengenai bidang tersebut Benjamin memberi perspektif yang luas serta terperinci terhadap minat pengkaji-pengkaji Orang Asli dari sejak zaman kolonial hingga ke hari ini. Perspektifnya sekaligus membayangkan kejayaan pengkaji-pengkaji dalam menggunakan data etnografis yang berasaskan masyarakat Orang Asli untuk mengemukakan idea-idea yang sentiasa mendampingi ilmu kemasyarakatan. Meskipun Benjamin memberi ulasan ringkas mengenai sub-bidang tertentu dalam suatu ilmu yang amat luas, sajinya merupakan suatu resensi yang belum pernah dilakukan oleh sesiapa pun setakat ini. Mungkin manfaat yang lebih ketara dari sumbangan Benjamin adalah kritikannya terhadap aspek-aspek pengkajian tentang masyarakat Orang Asli yang telah tidak mendapat tumpuan sewajarnya. Apakah sebab-sebabnya aspek-aspek tersebut tidak diberi tumpuan? Sebahagian besar dari soalan ini tidak dapat dijawab oleh Benjamin sendiri - atau oleh sesiapa pun. Apa yang telah diperhatikan ialah bahawa sebahagian besar pengkajian yang diterbitkan adalah meliputi bidang agama Orang Asli (*Orang Asli religion*), seolah bidang ini yang paling mendesak. Yang seolah-olah tercincir atau selalu dilupakan ialah bidang linguistik atau bahasa secara umumnya. Nyata dari rumusan yang dikemukakan bahawa lebih banyak bahan diperlukan dalam bidang-bidang tersebut sebelum kita dapat mengenali sistem pertuturan dan sistem komunikasi sosial Orang Asli. Ini disebutkan sebagai sesuatu yang amat mendesak (*urgent*).

Dalam memperkatakan sudut kajian yang memerlukan pengkajian asas, Benjamin juga menyebut bidang-bidang lain yang telah tidak mendapat tumpuan, iaitu arkeologi, etnologi asas, sejarah Orang Asli,

budaya materi (yang berkait rapat dengan sastera, teknologi ekologi dan epidemiologi), ekonomi dan sosiologi. Setiap satunya sudut kajian/bidang tersebut telah diabaikan, sekalipun kesemuanya itu sepatutnya diberi penelitian khas. Sebenarnya, Benjamin mempercayai bahawa bahan-bahan mengenai bidang-bidang tersebut sudah ada dalam nota-nota pengkaji, cuma ia terselindung atau tidak diterbitkan oleh kerana sebab-sebab tertentu. Walaupun salah satu komen Benjamin menyentuh tentang kecacatan atau kekurangan bidang etnografi Orang Asli secara keseluruhan, namun beliau menyatakan tentang *the quickening pace of Orang Asli studies* sebagai sesuatu perkembangan yang membawa harapan. Pengkajian tentang masyarakat Orang Asli pada masa lampau berbeza dengan apa yang sedang berlaku pada masa kini. Ini jelas kelihatan dalam ‘tema-tema moden’ yang terkandung dalam sumbangan-sumbangan lain yang terdapat dalam koleksi ini. Gomes memberikan beberapa salah tanggapan (*misperceptions*) mengenai Orang Asli yang khusus terkandung dalam imej atau *stereotype* Orang Asli yang dikajinya, iaitu suku bangsa Semai. Gambaran sosial yang diprojeksikan tentang orang Semai sebagai manusia primitif dalam dunia yang tidak langsung mempunyai kaitan dengan sistem ekonomi dan pasaran moden sedunia dianggap sebagai bencana besar yang melanda penulisan terhadap manusia tersebut. Katanya adalah karut sama sekali sekiranya kita melarutkan mitos bahawa Orang Asli hidup terpencil dan bebas dari pengaruh moden dari dunia luar. Kesilapan ini bertapak dalam akal budi serta sanubari golongan yang ingin melihat Orang Asli sebagai pamiran muzium semata-mata.

Perspektif yang dikemukakan oleh Gomes diperkuatkan oleh Nicholas dalam usahanya bagi mendefinisikan kedudukan Orang Asli dalam konteks negara masakini. Yang jelas dinyatakan oleh beliau ialah bahawa kedudukan ekonomi-sosial Orang Asli telah didefinisikan bukan saja oleh sistem undang-undang negara (Akta 134) yang mula diperkenalkan pada tahun 1954, akan tetapi oleh persekitaran dan dasar mentadbir kehidupan dan persekitaran sosial mereka melalui pembangunan yang terancang (*planned development*). Kajian kes yang dikemukakan membayangkan betapa komuniti Semai tersepit di antara kuasa kerajaan dan kuasa agensi-agensi lain yang secara langsung turut mengeksploitasi kedudukan lemah mereka. Dalam kajian tentang persekitaran masyarakat Temuan di salah sebuah kawasan di Selangor, Sham Sani pula menggariskan perkara yang sama. Penelitian beliau memberi maklumat yang tetap menunjukkan pembangunan Orang Asli perlu diseimbangkan dari sudut idiologi pembangunan yang dikehendaki oleh mereka sendiri maupun dari petempatan dan kemudahan yang diberikan kepada mereka. Apakah kedudukan di Kg. Bukit Tampoi itu dapat disamakan dengan kedudukan komuniti lain di Semenanjung Malaysia? Lebih banyak kajian seperti yang

dikemukakan oleh Sham perlu dilakukan untuk membolehkan kita membandingkan proses pembangunan Orang Asli di tempat-tempat lain.

Kajian mengenai kesihatan penduduk Orang Asli dikemukakan oleh Sham Kassim. Bahan yang dikutip secara rambang dari beberapa komuniti di Semenanjung Malaysia memperlihatkan kedudukan kanak-kanak Orang Asli di sisi kanak-kanak dari penduduk-penduduk kelompok etnik lain di Malaysia. Perbandingan taraf kesihatan kanak-kanak tersebut dapat membayangkan betapa rendah taraf hidup mereka disebabkan oleh kekurangan kemudahan asas. Pemakanan sebagai satu keperluan serta ilmu asas tidak dapat dipertingkatkan di kalangan komuniti-komuniti Orang Asli yang dikaji oleh kerana ia belum disediakan oleh agensi-agensi kerajaan. Selagi itu kedudukannya, kadar mortaliti yang tinggi serta kekurangan pencapaian sosial mungkin berlanjutan.

Apakah corak kehidupan masyarakat Orang Asli berbanding dengan Orang Melayu? Dimensi kekuasaan dalam kehidupan masyarakat Orang Asli diteliti oleh Hood Salleh dalam artikelnya. Beliau membandingkan dua kominiti yang berlainan dari sudut persepsi kekuasaan dan kewibawaan (*power and authority*). Komuniti Temiar di Kelantan jelas menunjukkan bahawa kuasa itu tidak dititikberatkan sebagai suatu unsur terpenting oleh orang kampung, sedangkan ia amat nyata sebagai suatu alat kawalan sosial di kalangan masyarakat Temuan di Parit Gong, Negeri Sembilan. Hood cuba menggariskan bahawa bagi Orang Asli pada umumnya penggunaan kuasa dalam kehidupan sehari-hari tidak mempunyai kaitan yang rapat dengan dunia materi. Masyarakat Orang Asli dapat mengamalkan cara hidup yang lebih bebas dari kongkongan sosial oleh kerana prinsip penerimaan dan interaksi sosial mereka adalah lebih berpandukan kepada kerjasama dan saling menghormati cara hidup persyarikatan berdasarkan hubungan persaudaraan.

Hasan Mat Nor pula membincangkan penempatan semula komuniti Semai di Betau. Seramai 286 keluarga Semai diberikan rumah dan beberapa bentuk bantuan supaya mereka dapat menjalani suatu cara kehidupan baru di tempat itu. Dengan keadaan yang baru itu mereka dapat dirangkum ke arus pembangunan negara. Akhirnya, Adi Haji Taha membaca kepada suatu gambaran menyeluruh tentang tahap perkembangan kebudayaan pra-sejarah di Semenanjung Malaysia menerusi suatu pendekatan baru dalam penyelidikan arkeologi di Malaysia. Cara baru penyelidikan itu cuba mengaitkan artifak arkeologi pra-sejarah di Semenanjung Malaysia dengan masyarakat Orang Asli.

Hood Salleh  
Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor D.E.